

Pakatan Harapan dan Senario Politik Kelantan: Analisis Pengajaran Politik Pasca PRU 14 (2018-2020)

Saiyid Radzuwan Syed Sopi
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Bahagian Sains Politik, USM
Email: pbsaiyid@usm.my

ABSTRAK

Pilihan raya umum ke-14 (PRU 14) menyaksikan bahawa Pakatan Harapan (PH) berjaya mengambil alih Putrajaya (2018-2020), tetapi mereka gagal mendapat sebarang kerusi parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) di Kelantan. Kegagalan PH memperluaskan pengaruh mereka di Kelantan disebabkan oleh beberapa faktor tradisi yang sukar untuk dipecahkan oleh PH. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan bahan-bahan rujukan yang bersifat fizikal dan atas talian dijadikan sumber rujukan. Selain itu, maklumat mengenai perkembangan politik Kelantan juga diperoleh melalui temu bual dengan beberapa responden yang menetap di Kelantan. Justeru, kajian ini mendapati bahawa impian PH untuk memperluaskan pengaruh mereka di Kelantan masih kabur kerana PAS bijak mengatur strategi berpolitik untuk jangka masa panjang dengan memperkukuh sistem pendidikan di bawah YIK, melahirkan ramai penyokong tegar atau pengikut fanatik, menguasai surau dan masjid mengikut ketetapan acuan sendiri dan mengawal pentadbiran kerajaan negeri. Selanjutnya, PH perlu melakukan reformasi pentadbiran yang konkrit seperti melahirkan ramai pemimpin muda yang berketerampilan dan menyuburkan semangat kerjasama dalam kalangan anggota gabungan PH jika mereka masih lagi berminat untuk berkuasa di Kelantan.

Kata kunci: Pakatan Harapan, pengaruh, strategi berpolitik, kerjasama dan penyokong tegar

ABSTRACT

The 14th general election (GE 14) reveals that Pakatan Harapan (PH) had become a ruling party (2018-2020), but they failed to get any parliamentary or state assembly seats in Kelantan. The failure of PH to expand their influence in Kelantan is due to several traditional factors that are difficult for PH to break it out. This study is a qualitative study and reference materials that are physical and online are used as reference sources. In addition, information regarding political scenario in Kelantan also obtained through interviews with some respondents live in Kelantan. Therefore, this research found that the desire of PH to expand their influence in Kelantan was blurred. This is because PAS wisely set up a long-term political strategy by strengthening the education system under YIK, producing many hardcore supporters or fanatic followers, controlling the 'surau' and the mosques according to their needs and control of the state administration. Furthermore, PH needs to make concrete reformations to the party's management such as producing talented young leaders and fostering a spirit of cooperation among members of the PH coalition if they are still interested in power in Kelantan.

Keywords: Pakatan Harapan, influence, political strategy, co-operation and hardcore supporter

1. PENDAHULUAN

Pilihan raya umum ke-14 (PRU 14) telah diadakan pada 9 Mei 2018 dan PRU pada kali ini menyaksikan pertandingan tiga penjujur antara Barisan Nasional (BN), Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Pakatan Harapan (PH). Dalam PRU ini, BN masih mengekalkan anggota gabungannya manakala PH merupakan parti gabungan antara Parti Amanah Negara (AMANAH), Parti KeADILan Rakyat (PKR), Parti Tindakan

Demokratik (DAP) dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU). Hanya PAS sahaja yang bertanding sendirian dan mereka enggan menjalinkan kerjasama politik dengan BN ataupun PH. Salah satu tujuan utama PH diwujudkan ialah untuk memberikan tekanan kepada Perdana Menteri Najib Razak agar meletak jawatan. Selanjutnya, BN pasti menggunakan simbol dacing yang mewakili semua anggota gabungannya dalam setiap PRU dan PH juga berhasrat mengaplikasikan strategi berpolitik yang sama seperti BN. Namun, Jabatan Pendaftar Pertubuhan (RoS) enggan meluluskan permohonan PH atas alasan pendaftaran BERSATU masih dalam proses kelulusan dan mereka memerlukan masa untuk meneliti permohonan tersebut. Oleh itu, kepimpinan PH telah mengadakan satu rundingan untuk membincangkan permasalahan tersebut dan akhirnya mereka bersetuju menggunakan simbol PKR dalam PRU 14 (Zikri Kamarulzaman & Lu, 2018).

Pencapaian konsensus ini merupakan sejarah dalam PRU apabila tiada bantahan daripada DAP. Antara kesemua anggota gabungan PH, DAP merupakan parti lama dan kesediaannya menggunakan simbol PKR memberikan isyarat bahawa PH mempunyai semangat bersatu padu yang tinggi. Dalam perkataan lain, tindakan RoS yang cuba menghalang PH daripada menggunakan satu simbol yang mewakili semua anggota gabungannya gagal dilaksanakan apabila PH berjaya merungkaikan permasalahan tersebut dengan mencapai kesepakatan bersama. Perdana Menteri Najib Razak telah menggunakan kuasanya dengan memberikan arahan kepada Pengarah Ros, Suryati Ibrahim agar melengah-lengahkan pendaftaran PH. Walau bagaimanapun, RoS akhirnya akur dengan

desakan daripada pelbagai sudut dan mereka mengambil keputusan untuk bersetuju meluluskan pendaftaran PH sebagai gabungan politik yang sah seminggu selepas PRU 14 (Norman Goh, 2018).

Sebelum PRU 14, PH pernah mempelawa PAS agar menjadi sebahagian daripada rakan gabungannya dan tujuan pelawaan tersebut ialah supaya PH mampu membentuk satu gabungan pembangkang yang kuat untuk berhadapan dengan United Malays National Organization (UMNO) dan BN. Namun, PAS telah menolak pelawaan tersebut dengan memberikan pelbagai alasan. Realitinya, parti pembangkang telah berusaha pelbagai kaedah untuk memenangi PRU seperti menjalinkan kerjasama politik, bertanding satu lawan satu dengan BN-UMNO dan menyenaraikan pelbagai manifesto pilihan raya yang dijangka boleh menarik perhatian rakyat. Namun, usaha mereka untuk menawan Putrajaya tetap mengalami kegagalan dan atas faktor kegagalan inilah yang menyebabkan PH secara konsisten mengajak PAS untuk terus bersama mereka menentang BN. PH menyedari bahawa peluang mereka untuk menjadi kerajaan pemerintah agak cerah apabila BN diselubungi dengan pelbagai skandal berprofil tinggi seperti penjualan aset negara kepada China, isu 1MDB yang mengaitkan dengan Perdana Menteri Najib Razak dan rasuah berskala besar yang melibatkan Rosmah Mansor. Tetapi, kunci kejayaan untuk menawan Putrajaya mesti dilakukan secara kolektif oleh semua parti pembangkang. Walau bagaimanapun, PAS tetap enggan menjalinkan kerjasama dengan PH dan mereka yakin boleh menang dengan bermaruah dalam PRU 14 walaupun berjuang bersendirian.

Semasa Fadzil Noor sebagai Presiden PAS, beliau dilihat bersungguh-sungguh hendak menjalinkan kerjasama politik dengan parti pembangkang. Hasil daripada kerjasama politik bersama PKR, DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) telah membolehkan PAS mentadbir Terengganu pada 1999-2004. Namun, kekuatan gabungan parti pembangkang semakin berubah apabila Abdul Hadi Awang dipilih sebagai Presiden PAS untuk menggantikan Fadzil Noor yang meninggal dunia pada 23 Jun 2002. Realitinya, BN-UMNO kurang senang dengan kekuatan gabungan parti pembangkang dan mereka akan mencari pelbagai helah untuk memusnahkan kerjasama politik tersebut. Sebagai contoh, kajian Suryadinata (2007, hlm 335) menjelaskan bahawa Suharto akan mengaplikasikan dasar pecah dan perintah dalam kalangan anggota tentera agar tiada kumpulan dominan yang boleh mengugat kedudukannya sebagai Presiden Indonesia. Justeru, BN-UMNO telah menggunakan strategi yang sama seperti Suharto untuk memecahbelahkan kekuatan parti pembangkang. BN-UMNO menyedari bahawa PAS setia dengan hukum hudud dan DAP dilihat sebagai sebuah parti politik yang anti-hudud. Oleh itu, isu ini boleh dijadikan senjata politik yang kuat untuk melemahkan kekuatan gabungan parti pembangkang.

Sarjana sains politik seperti Boissevain (1978, hlm 172) dan Liphart (1984, hlm 103) sering memberikan pandangan mengenai pentingnya kerjasama politik dan kejayaan kerjasama ini sudah pasti akan mengharungi pelbagai konflik terlebih dahulu sebelum hadirnya persefahaman. Realitinya, politik adalah kuasa dan kuasa politik boleh

menjanakan kekayaan, kemasyhuran, pangkat, darjat dan segala kenikmatan hidup. Setiap ahli politik akan berlumba-lumba untuk mengejar habuan kuasa dan dalam arus pengejaran ini, pasti akan berlaku persengketaan, pergolakan, tikam daripada belakang, politik adu domba dan pelbagai tindakan negatif. Disebabkan tamak untuk berkuasa, maka akan timbul strategi pecah dan perintah yang bertujuan untuk melemahkan musuh politik agar mereka tidak berkemampuan untuk merampas kekuasaan daripada penyandang kini. Justeru, wujud dua konsep yang saling bertentangan dalam politik dan setiap ahli politik harus berwaspada dengan kedua-dua konsep tersebut walaupun mereka menyedari bahawa politik ialah pemburuan dan nadi utama untuk memperoleh kuasa.

Sebagai perbandingan, tujuan utama PH mempelawa PAS agar menjalinkan kerjasama politik adalah untuk mengakhiri hegemoni BN sebagai parti pemerintah. Strategi berpolitik ini bukan sahaja diaplikasikan kepada masyarakat majmuk sahaja tetapi penduduk yang mempunyai satu bangsa seperti Jepun juga tidak terkecuali daripada mengadaptasikan pendekatan ini. Sebagai contoh, Ichiro Ozawa sanggup menjalinkan kerjasama politik dengan semua parti politik kecuali Parti Demokratik Liberal (Liberal Democratic Party – LDP) selepas PRU 1993 kerana beliau berazam hendak menamatkan hegemoni LDP sebagai parti dominan (Ko Mishima, 2005, hlm 49). Dalam konteks ini, Jepun yang menggunakan satu bahasa, satu budaya dan mempunyai sikap toleransi yang tinggi juga berkonflik sesama sendiri hanya semata-mata untuk berkuasa. Seharusnya Jepun yang menggunakan satu bahasa untuk

berkomunikasi dan tabiat rakyat mereka yang menyanjung tinggi budaya tradisi memudahkan urusan kehidupan seharian. Tetapi hakikatnya, pemburuan kuasa tidak mengenal warna kulit, asal usul sesuatu bangsa, jenis masyarakat, bahasa yang digunakan dan cara hidup sesebuah kaum.

Justeru, kajian ini akan menganalisis faktor-faktor kegagalan PH mendapat kerusi sama ada parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) di Kelantan walaupun mereka berjaya menawan Putrajaya pada Mei 2018-Feb 2020. Senario politik Malaysia berubah apabila pentadbiran Malaysia diambil alih oleh Perikatan Nasional (PN) pada Feb 2020 berikutan kejatuhan PH. Sejak Putrajaya beralih kuasa ke PN, PAS telah menjadi sebahagian daripada kerajaan pemerintah dan tulisan ini tidak akan membicarakan peristiwa politik yang berlaku selepas Feb 2020. Selanjutnya, kajian ini hanya memfokuskan kepada senario politik di Kelantan sahaja walaupun PH juga gagal memperoleh sebarang kerusi di Terengganu. Rakyat pasti akan mempersoalkan bagaimana PH boleh memperkembangkan pengaruh mereka di barat Semenanjung, tetapi prestasi mereka merosot di bahagian timur sedangkan kebangkitan rakyat untuk menukar kerajaan pusat adalah tinggi. Tulisan ini akan mengupas dan merungkaikan faktor sebenar yang menyebabkan PH tidak berkemampuan untuk mengambil alih kepimpinan negeri Kelantan walaupun Kelantan dibelenggu dengan pelbagai masalah pentadbiran.

2. PENGARUH DAN KUASA

Politik dan kuasa ialah dua unsur yang sebutannya berbeza tetapi mempunyai tujuan yang sama dan kedua-dua unsur ini menjadi rebutan

dalam kalangan ahli politik sama ada mereka mengkasifikasikan diri mereka sebagai penganut fahaman sekular atau Islam. Terdapat kekeliruan dalam kalangan rakyat bagaimana hendak membezakan seseorang ahli politik itu berfahaman sekular atau Islam. Hal ini kerana wujud segelintir ahli politik berfahaman sekular, tetapi mereka berselindung di sebalik wajah Islam untuk melindungi kepentingan peribadi. Pendekatan berpolitik bernafsu kuasa dan meniru perwatakan Machiavelli sudah menjadi satu adat budaya dan pengikutnya semakin hari semakin bertambah. Ini kerana politik gaya Machiavelli sudah sinonim dalam dunia berpolitik dan nama beliau sering kali muncul khususnya dalam penjelasan tentang pemikiran dan perlakuan yang mengamal dan memupuk kaedah “matlamat menghalalkan cara” atau “the end justifies the means.” Gaya berpolitik mengikut acuan Machiavelli bertujuan untuk menjelaskan pelbagai rentak dan ragam termasuk taktik kotor yang diperguna dan diperlakukan oleh manusia dalam politik. Malahan perbuatan dan perlakuan ini menjadi sebahagian daripada berpolitik itu sendiri. Tanpa pendekatan, strategi dan penglibatan politik putar belit tersebut, maka seolah-olah politik sebagai bidang kehidupan yang tidak bernyawa (Saiyid Radzuwan, 2017, hlm 78).

Sementara itu, PAS berjaya mentadbir Kelantan sejak 1990 dan kejayaan ini bukan dicapai secara perjuangan berseorangan, tetapi mereka dibantu oleh parti politik lain. Fenomena ini menjelaskan bahawa kerja secara berpasukan akan memberikan keputusan yang lebih baik berbanding bersendirian, Tambahan pula melakukan kerja secara berkumpulan tidak

semestinya diaplikasikan dalam politik, tetapi ianya boleh diperluaskan dalam bidang pendidikan, perniagaan, sukan dan apa sahaja aktiviti yang melibatkan ramai pasukan. Oleh itu, PH berkali-kali mengajak PAS agar turut serta menjadi anggota gabungan untuk menghadapi BN dalam PRU 14. Hal ini kerana PH menyedari bahawa bukan mudah hendak menewaskan BN dalam PRU jika parti pembangkang tidak bekerjasama. Selanjutnya, PH juga dapat meramalkan bahawa jika semua parti pembangkang bersatu, maka tidak wujud pertembungan tiga penjuror dalam PRU. Strategi sedemikian memang sudah dirancang oleh PH dan PAS pun sudah arif dalam senario ini kerana mereka mempunyai pengalaman dalam menyertai pelbagai PRU. Bagaimanapun, reaksi daripada PAS agak mendukacitakan dan mereka bersungguh-sungguh hendak bertanding dalam PRU 14 secara bersendirian. Selain itu, pelbagai alasan diberikan oleh pihak pengurusan tertinggi PAS dalam usaha untuk menghalalkan tindakan mereka itu.

Kerjasama politik dalam kalangan parti pembangkang memang pernah wujud sebelum munculnya PH, tetapi keakraban mereka longgar dan sering dilanda pelbagai sifat iri hati, berprasangka buruk dan kerap menimbulkan perasaan mencurigai antara satu sama lain. Ternyata bahawa dalam pakatan pembangkang, PAS dikategorikan sebagai parti yang kerap menimbulkan masalah dan parti itu juga yang meminta agar kerjasama politik dalam kalangan mereka dikaji semula. (Saiyid Radzuwan, 2018, hlm 17). Jika sebelum kewujudan AMANAH, DAP diklasifikasikan sebagai musuh politik PAS. Tetapi selepas AMANAH didaftarkan secara sah sebagai parti politik, pendirian PAS telah berubah

dan mereka menganggap AMANAH pula sebagai musuh politik. Pendirian PAS yang tidak konsisten sering membingungkan pemerhati politik dan persoalan seterusnya yang perlu diberikan perhatian ialah mengapa PAS tidak menyukai parti pembangkang seperti DAP dan AMANAH? Rahsia kebencian tersebut tidak didedahkan oleh kepimpinan tertinggi PAS dan pemerhati politik menjangkakan bahawa PAS amat tidak suka ahlinya keluar daripada parti mereka dan menubuhkan parti baharu yang memberikan tentangan kepada parti lamanya.

Selanjutnya, setiap parti politik yang bertanding dalam pilihan raya menginginkan kemenangan dan faktor kemenangan inilah yang menyebabkan penyandang kini akan menggunakan segala pengaruhnya untuk memastikan beliau kekal untuk penggal seterusnya. Sementara itu, parti politik yang belum pernah berkuasa atau menginginkan kuasa akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan parti mereka memang dalam pilihan raya dan sekali gus boleh dipilih menjadi parti pemerintah. Justeru, sebelum PRU 14, PAS membayangkan yang mereka akan berperanan sebagai king maker dan fungsi mereka ialah sebagai penyelamat kepada mana-mana parti politik yang gagal memperoleh majoriti mudah semasa hendak membentuk kerajaan (Sharom, 2018). Namun, terdapat dua persoalan yang harus diberikan perhatian iaitu pertama, adakah PAS bersedia membantu PH diketika PH memerlukan bantuan mereka kerana sebelum PRU 14, PAS secara terang-terangan menganggap PH sebagai musuh politik? Kedua, adakah PAS sengaja menggalakkan pertandingan tiga penjuru agar tiada parti politik yang

akan mendapat kemenangan mudah? Jika ramalan kedua ini benar, maka peranan PAS sebagai king maker akan dapat dimanfaatkan. Walau bagaimanapun, keputusan PRU 14 memperlihatkan bahawa PAS hanya berjaya memperoleh 18 kerusi parlimen daripada 158 kerusi yang dipertandingkan berbanding sasaran awal sebanyak 40 kerusi dan keputusan sedemikian melenyapkan impian PAS untuk menjadi king maker.

Kajian Liew (2007, hlm 202) menjelaskan bahawa PAS boleh berbangga dengan mempunyai jumlah keahlian yang ramai. Selain itu, PAS berjaya menubuhkan cawangan parti yang banyak dan cawangan tersebut boleh dilihat di serata Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Memang benar jumlah ahli yang ramai dilihat sebagai salah satu faktor yang memperkukuh kedudukan parti terutamanya dari sudut kewangan dan tenaga kerja. Tambahan pula, ramai ahli PAS yang setia kepada arahan parti dan mereka akan berdiri teguh di belakang parti walaupun terdapat segelintir arahan yang boleh dipertikaikan kebenarannya. Disebabkan jumlah ahli yang ramai dan nilai taat setia yang tinggi dalam kalangan ahli parti, maka pihak pengurusan tertinggi PAS percaya bahawa parti mereka boleh mencapai kemenangan dalam PRU walaupun berjuang bersendirian. Tambahan pula, akibat kekurangan bantahan daripada ahli PAS telah mendorong pihak pengurusan tertinggi PAS meneruskan hasrat mereka untuk bertanding secara sendirian dalam PRU walaupun tindakan mereka itu ditegur oleh PH.

Jadual 1.1 Undi popular (kerusi parlimen) yang diperoleh oleh PAS dalam PRU

Tahun	Undi popular	Peratus (%)
1990	338,340	6.72
1995	437,022	7.31
1999	994,279	15.0
2004	1,051,480	15.2
2008	1,140,598	14.4
2013	1,633,389	14.51

Sumber : Mohd Izani (2014, hlm 41).

Seterusnya, jadual 1.1 menjelaskan bahawa undi popular kerusi parlimen yang diperoleh oleh PAS semakin bertambah dalam setiap PRU dan penambahan ini mempunyai kaitan dengan kerjasama politik. Walau bagaimanapun, kerjasama politik mempunyai pasang surutnya apabila DAP menarik diri daripada menjalinkan kerjasama politik dalam kalangan parti pembangkang pada 2001 disebabkan perselisihan pendapat dengan PAS (Azlina, 2001). Namun, rakyat masih terus memberikan sokongan kepada PAS dan berita yang menggembirakan PAS ialah apabila mereka mampu menunjukkan prestasi yang baik dalam PRU 13. PAS berjaya mengekalkan momentumnya dengan memperoleh undi popular hampir setengah juta undi sebanyak 492,791 undi berbanding PRU 2008. Berdasarkan kejayaan PAS dalam PRU 13 telah membolehkan tiga ahli partinya dipilih menjadi exco Selangor pada 2014 (BH online, 2014). Namun, pendirian PAS untuk meneruskan kerjasama politik mula berubah apabila menjelang PRU 14 dan alasan yang sering kali diberikan oleh PAS ialah mereka mampu untuk meneruskan kehebatannya sebagai parti politik yang berdaya saing.

Selanjutnya, bagaimana PAS boleh mengekalkan kuasanya di Kelantan dalam tempoh yang panjang dan apakah rahsia yang menyebabkan rakyat Kelantan setia dengan cara pemerintah PAS walaupun banyak kecacatan dilakukan oleh pemimpin PAS sepanjang mereka mentadbir Kelantan. Realitinya, PAS bijak mempamerkan penampilannya sebagai sebuah parti politik yang memperjuangkan Islam dan mereka pandai memujuk rakyat agar terus memberikan kepercayaan kepada mereka untuk terus mentadbir Kelantan. Berdasarkan kelebihan PAS, maka pengundi Kelantan berpendapat bahawa mereka perlu mengekalkan kepimpinan PAS walaupun munculnya PH yang mengklasifikasikan parti mereka sebagai parti alternatif untuk menggantikan PAS. Dalam konteks ini, PH perlu membuktikan kepada rakyat Kelantan, apakah kekuatan mereka sebagai parti yang boleh dipercayai dan bagaimana dengan perjuangan Islam yang boleh dibawa oleh PH? Pada kaca mata pengundi Kelantan, PAS sudah lama wujud dan telah sehati dengan cara kehidupan mereka dan PH harus mengatur strategi berpolitik yang sistematik jika mereka berhasrat menggantikan PAS sebagai kerajaan negeri.

Sebagai kesimpulan, kerjasama politik boleh dikategorikan sebagai satu mekanisme untuk berkuasa, tetapi PH perlu melakukan pemerhatian empirikal yang lebih konkrit jika mereka ingin mengambil alih Kelantan daripada PAS. Pengundi PAS di Kelantan bukan sahaja menilai kehebatan sesebuah parti politik itu dari sudut kepandaian mereka menjalinkan kerjasama politik, tetapi mereka memerhati latar belakang calon yang bertanding, kepetahan berkuliah atau berhujah dengan menjadikan Al Quran dan hadis sebagai rujukan, calon seharusnya

mempunyai kelayakan agama dan semestinya anak tempatan. Dalam zaman milenium, parti politik seharusnya mempunyai wakil rakyat yang mempunyai pelbagai latar belakang kerana ini akan memudahkan mereka mentadbir negara atau negeri. Namun, PAS berpendapat bahawa dengan mempunyai kelulusan agama, maka mereka sudah melayakkan diri untuk menjadi pemimpin. Oleh itu, PAS berkeyakinan bahawa dengan mempunyai hampir kesemua wakil rakyat yang berkelulusan agama, maka mereka boleh menjalankan pentadbiran negeri dengan sempurna. Justeru, PH harus meneliti perkara yang dinyatakan di atas jika mereka berhasrat hendak menjadi kerajaan pemerintah di Kelantan.

3. STRATEGI PAS MENERUSKAN KEKUASAAN

Ramai tokoh politik di Malaysia membina kerjaya mereka sebagai ahli politik daripada usia muda dan kerjaya tersebut berkekalan sehingga mereka mencapai taraf veteran. Sebagai contoh, Mahathir Mohamad, Anwar Ibrahim, Abdul Hadi Awang, Lim Kit Siang dan ramai lagi tokoh yang berjaya menjadikan politik sebagai satu pekerjaan. Bagaimanakah tokoh-tokoh tersebut dapat melebarkan pengaruh mereka dalam satu jangka masa yang panjang dan apakah strategi politik yang diatur oleh mereka agar pendekatan politik yang mereka adaptasikan sentiasa relevan dengan perubahan masa? Politik memerlukan keterampilan yang boleh menghasilkan pengaruh dan pengaruh tersebut boleh melahirkan penyokong atau pengikut. Penyokong tersebut boleh membiak dan memperkukuh kedudukan calon itu. Kesenambungan unsur-unsur keterampilan, pengaruh, penyokong dan kedudukan dilihat sebagai satu mekanisme yang diperlukan oleh seseorang ahli politik untuk terus

relevan pada kaca mata pengundi. Parti juga memerlukan strategi yang sistematik agar dapat berkuasa untuk satu tempoh masa yang panjang. Oleh itu, terdapat beberapa kriteria yang boleh menjelaskan bagaimana PAS berjaya mentadbir Kelantan sejak 1990 sehingga tulisan ini dihasilkan.

Secara dasarnya, kajian ini bersifat kualitatif dan bahan rujukan sekunder dijadikan sandaran untuk memperoleh maklumat mengenai perkembangan, krisis dan senario politik yang berlaku di Kelantan. Sasaran kajian ditumpukan kepada Kelantan kerana ramai pemerhati politik kagum dengan prestasi PAS yang masih mampu mengekalkan kekuasaannya mereka di Kelantan walaupun bertanding bersendirian. Selain bahan rujukan yang bersifat fizikal atau atas talian, data kajian juga diperoleh melalui temu bual dengan bekas calon AMANAH yang bertanding di Pengkalan Pasir dan beberapa barisan kepimpinan AMANAH di Kelantan. Maklumat yang diterima dari responden akan diteliti terlebih dahulu sebelum dihuraikan dalam tulisan ini kerana ramai responden akan menceritakan sesuatu fenomena berdasarkan pandangan peribadinya. Jika sesuatu isu tidak sehaluan dengan nalurinya, maka beliau akan memberikan pandangan negatif terhadap isu yang dibincangkan walaupun isu tersebut mempunyai kebenaran untuk dibahaskan. Oleh itu, penjelasan mengenai strategi PAS mengekalkan kuasanya di Kelantan adalah berdasarkan kajian akademik yang telah ditapis berulang kali.

Pertama, pendidikan boleh dijadikan sebagai senjata yang berkesan untuk memastikan rakyat atau pengundi terus memberikan kepercayaan kepada pemerintah (temu bual dengan Mohd Sharani, bekas calon AMANAH di Pengkalan Pasir). Persoalannya, bagaimana pendidikan boleh dijadikan alat yang boleh digunakan oleh pemerintah sebagai pengukuhan kuasa dan dalam masa yang sama boleh mempengaruhi pemikiran rakyat agar terus memberikan sokongan kepada mereka? Kerajaan Kelantan menguruskan Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan dari situlah dibina sukatan pelajaran, kaedah pengajaran dan penyebaran ideologi yang boleh mempengaruhi pemikiran pelajar. Pendidikan merupakan proses yang paling berkesan untuk menanam perasaan kecintaan kepada sesuatu bangsa, negara, parti politik atau apa sahaja untuk menjaga kepentingan pemerintah. Sebagai perbandingan, Biro Tata Negara (BTN) terletak di bawah pengawasan BN dan tugas utama BTN ialah menyampaikan propaganda politik BN, menyebarkan ideologi BN dan memastikan rakyat terus memberikan kepercayaan kepada BN. Justeru, wujud persamaan antara fungsi BTN dengan YIK dan pemimpin PAS berkeyakinan bahawa dengan menguasai pendidikan, maka peluang untuk mereka mentadbir Kelantan akan berpanjangan kerana pendidikan merupakan perang saraf yang paling berkesan untuk terus berkuasa.

Selanjutnya, kerajaan Kelantan memang mempunyai hubungan dengan universiti di Timur Tengah dan mereka sering menghantar pelajar lulusan YIK untuk meneruskan pengajian di sana. Tambahan pula, terdapat laporan daripada Jabatan Penuntut Malaysia di Mesir mendedahkan bahawa PAS menggalakan pelajar tajaannya agar menjadi ahli

Persekutuan Melayu Republik Arab-Mesir (PMRAM). Persoalannya di sini ialah mengapakah pelajar tajaan YIK diminta menjadi ahli atau terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan PMRAM dan apakah kaitannya dengan PAS? Realitinya, PAS melihat bahawa PMRAM sebagai platform kepada mereka untuk melahirkan kader-kader yang setia dengan PAS. Selain itu, mereka boleh dijadikan perisai untuk membantu PAS dalam menyelesaikan sesuatu perdebatan, menjawab soalan atau memberikan bantuan kewangan kepada PAS apabila diperlukan. Tambahan pula, PAS boleh menyemai dan menanam doktrin mengenai kelebihan PAS melalui PMRAM. Strategi serampang dua mata dan bersifat secara halus dilihat mampu mengaburi minda pelajar dan sekali gus mendatangkan kejayaan kepada PAS. Sebagai gantinya, pelajar tajaan YIK yang tamat pengajian dan akan diberikan ruang untuk berkhidmat di Maahad Tahfiz kepunyaan YIK, surau, masjid atau agensi kerajaan negeri. Kesemua badan tersebut adalah di bawah pengawasan kerajaan negeri dan mereka boleh mengatur mengikut acuan mereka sendiri. Justeru, pelaburan dalam pendidikan memerlukan kos yang tinggi tetapi mendatangkan hasil yang lumayan dan PAS telah berjaya membuktikan kebenaran ini.

Kedua, politik ugutan digunakan sebagai senjata politik untuk menakutkan penduduk kampung. Jika dinilai dari sudut pembangunan antara pantai barat dengan Kelantan, ternyata bahawa Kelantan masih lagi ketinggalan dan banyak kawasan kampung berbanding bandar. Kebanyakan rakyat Kelantan menjadikan pertanian atau berniaga secara kecil-kecilan sebagai punca kelangsungan kehidupan selain dari bekerja

sebagai penjawat awam. Secara puratanya, kecelikan politik dalam kalangan mereka masih rendah walaupun media sosial sudah dijadikan sebagai asas keperluan untuk urusan seharian. Mengapakah masyarakat kampung masih lambat menerima perubahan kehidupan walaupun kemajuan media sosial sudah dipertingkatkan dalam menyalur maklumat mengenai senario semasa? Adakah mereka tidak berminat dengan arus perubahan atau mereka tiada masa untuk meneliti fenomena perubahan atau mereka sememangnya tidak mahu berubah dan selesa dengan kehidupan sekarang? Berdasarkan corak tingkah laku seperti yang dinyatakan di atas, maka inilah peluang keemasan kepada PAS untuk memperkukuh pengaruh mereka dalam kalangan masyarakat kampung.

Sebagai contoh, BN selalu menggunakan politik ugutan kepada pengundi yang enggan menyokong mereka dengan mengugut akan berhenti memberikan bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah agama di bawah pengurusan PAS. Kerajaan PAS Kelantan melahirkan kekesalan terhadap politik peras ugut dan BN pada suatu ketika dahulu pernah memusuhi sekolah agama dengan melabelkannya sebagai pusat melatih penganas. Selain itu, parti itu jugalah yang menarik bantuan per kapita kepada sekolah agama rakyat (Izrael, 2012). Dalam situasi sekarang, PAS juga menggunakan strategi yang sama dengan memberikan amaran bahawa biasiswa kerajaan negeri akan ditarik balik jika didapati ada daripada mereka yang tidak menyokong PAS atau dikenakan sekatan kepada penceramah atau ustaz daripada mengajar di surau atau masjid. Tambahan pula, ada kebarangkalian PAS akan berhenti memberikan khidmat masyarakat seperti urusan menguruskan kematian ke atas

keluarga yang terang-terang tidak menyokong mereka. Kesemua tindakan ini secara tidak langsung akan memberikan kesan negatif kepada masyarakat kampung walaupun ugutan itu boleh diklasifikasikan bersifat gurauan, tetapi masyarakat kampung mengambilnya sebagai serius atas faktor ekonomi.

Ketiga, kajian Rafizi menerusi Invoke dan pendedahan kelemahan pentadbiran PAS oleh Husam Musa telah memberikan kelebihan kepada PAS. Dalam sejarah Kelantan, hanya UMNO dan PAS sahaja yang pernah mentadbir negeri itu dan rakyatnya sudah sehati dengan kedua-dua parti tersebut. Namun, selepas PAS berjaya mentadbir Kelantan sejak 1990 dan diserikan lagi dengan pentadbiran Menteri Besar Nik Aziz Nik Mat, maka kecintaan rakyat Kelantan terhadap PAS semakin meningkat berbanding UMNO. Walau bagaimanapun, adakah rakyat Kelantan bersedia menukarkan kerajaan apabila Rafizi melalui kajian Invoke mendedahkan bahawa UMNO akan menggantikan PAS di Kelantan dalam PRU 14? (Faiz, 2018). Wujud kebarangkalian bahawa Rafizi sengaja bermain silap mata dengan mengajak pengundi Kelantan agar memberikan sokongan kepada PH kerana beliau sedar bahawa rakyat Kelantan tidak akan menyokong UMNO. Oleh itu, pengundi Kelantan harus bijak menyelesaikan teka teki daripada Rafizi kerana beliau percaya rakyat Kelantan mahir bermain politik.

Selanjutnya, isu-isu yang dibawa oleh Husam seperti masalah air, pembalakan hutan simpan dan lebuhraya rakyat tidak membantu PH

memperkuh kedudukan mereka di Kelantan, malahan isu-isu tersebut memberikan kesan negatif kepada Husam. Rakyat Kelantan tidak menganggap isu-isu yang dinyatakan di atas sebagai isu yang kritikal kerana mereka sendiri secara individu boleh menyelesaikan masalah tersebut. Selain itu, pengundi Kelantan juga mengklasifikasikan bahawa masalah sedemikian sudah tidak relevan dipertikaikan kerana mereka percaya bahawa kerajaan negeri sedang berusaha untuk menyelesaikannya. Oleh itu, rakyat Kelantan berpendapat bahawa Husam dilanda krisis kepercayaan terutamanya selepas beliau menyertai AMANAH dan beliau juga dikategorikan sedang mencari publisti murahan untuk menaikkan namanya sebagai pembela rakyat Kelantan. Justeru, kajian Invoke dan pendedahan Husam tidak menghancurkan reputasi PAS malahan mereka telah mendapat keuntungan hasil daripada kecuaihan Rafizi dan Husam membaca senario politik Kelantan.

Keempat dan terakhir, penarikan gelaran Dato' yang dianugerahkan kepada Husam dan Wan Abdul Rahim (Sharifah Mahsinah & Attirmidzie, 2018) telah memberikan keuntungan kepada PAS. Anugerah pangkat seperti Dato', Datuk Seri, Tan Sri dan sebagainya memang menjadi rebutan dalam kalangan ahli politik, ahli perniagaan, ahli birokrat berpangkat tinggi dan sebagainya. Gelaran berprestij ini boleh menaikkan reputasi dan kemasyhuran seseorang itu dan ada daripada mereka sanggup memberikan rasuah hanya semata-mata inginkan pingat tersebut. Namun, apakah kaitan penarikan semula pingat kebesaran dengan PAS dan bagaimana implikasinya ke atas Husam, Wan Abdul Rahim, PH dan PAS? Jika dilihat dari tarikh penarikan semula darjah

kebesaran tersebut, ternyata bahawa wujud satu konspirasi untuk menjatuhkan Husam dan Wan Abdul Rahim. PRU 14 diadakan pada Mei 2018 manakala tarikh penarikan pingat pada Feb 2018 dan daripada senario tersebut dapat disimpulkan bahawa penarikan darjah kebesaran sengaja dilakukan tiga bulan awal sebelum PRU. Hal ini bertujuan untuk menjatuhkan reputasi Husam dan Wan Abdul Rahim (temu bual bersama Dr Khairudin dan Tn Hj Hashim di Kota Bharu pada 9 Sept 2018) dan sekali gus boleh menaikkan kredibiliti PAS.

Husam dan Wan Abdul Rahim dijangka boleh memberikan kemenangan kepada PH di Kelantan dan apabila pingat kebesaran mereka berdua ditarik balik, maka rakyat membuat penilaian bahawa kedua-dua individu tersebut mempunyai masalah dengan istana. Secara dasarnya, istana pada kaca mata rakyat Kelantan dikategorikan sebagai satu institusi yang amat dihormati dan jika berlaku konflik antara seseorang individu dengan istana, maka rakyat akan menghukum individu tersebut. Oleh itu, rakyat atau pengundi Kelantan membuat kesimpulan bahawa Husam dan Wan Abdul Rahim tidak sesuai dipilih sebagai calon dalam PRU 14. Hal ini adalah kerana mereka berdua telah menjatuhkan imej sendiri sebagai ahli politik disebabkan konflik dengan istana dan pengundi Kelantan harus meminggirkan mereka berdua. PAS sedar bahawa rakyat Kelantan tidak akan memberikan undi kepada UMNO dan dengan hadirnya isu penarikan darjah kebesaran Husam dan Wan Abdul Rahim, maka kebarangkalian PAS untuk terus mentadbir Kelantan adalah tinggi. Susulan daripada krisis tersebut, maka Husam dan PH gagal memperoleh kemenangan di Kelantan dan PAS terus mendabik dada dengan bergaya

kerana berjaya mengekalkan kuasa di Kelantan. Secara kesimpulannya, isu penarikan darjah kebesaran memberikan implikasi negatif yang serius kepada PH dan kelicikan PAS mengatur, menyusun dan menyebarkan propaganda politik telah memberikan kemenangan kepada mereka.

4. CABARAN DAN MASALAH DALAMAN PH

Tujuan dilakukan kerjasama politik sama ada dalam kalangan parti pemerintah atau parti pembangkang ialah kuasa. Setelah kuasa berada dalam genggaman, persoalan seterusnya ialah bagaimana kuasa tersebut dipelihara agar terus kekal? Dalam usaha untuk memelihara pengendalian kuasa, sudah pasti akan berlaku persengketaan, perebutan, penyebaran fitnah, cantas-mencantas, tikam daripada belakang, politik putar belit dan pelbagai perbuatan negatif. Keputusan PRU 14 menjelaskan bahawa walaupun PH berjaya menguasai Putrajaya, tetapi mereka gagal memperoleh sebarang kerusi di Kelantan. Oleh itu, sudah pasti akan diatur perancangan strategik daripada pemikir politik PH untuk menawan Kelantan dalam PRU seterusnya. Namun, bagaimana PH hendak mengambil alih Kelantan daripada PAS sedangkan pengurusan PH di Kelantan dibelenggu pelbagai masalah dalaman. Justeru, bahagian ini akan mengupas secara kritikal apakah cabaran, halangan dan bagaimana PH mengatur strategi untuk membolehkan mereka merampas Kelantan dalam PRU berikutnya.

Pertama, PAS sudah berjaya membina blok pemikiran yang kukuh dalam kalangan pengundi Kelantan dan pengundi ini akan tetap setia menyokong PAS walaupun pengurusan PAS dibebani dengan pelbagai

kritikan negatif. Selain mengawal pendidikan, PAS juga menguasai surau, masjid dan pentadbiran negeri yang sekali gus boleh dijadikan platform kepada mereka untuk menyebarkan propaganda, manifesto atau apa sahaja maklumat mengenai perkembangan parti. Oleh itu, tugas berat yang harus diselesaikan oleh PH ialah apakah pendekatan yang sesuai untuk memecahkan blok pemikiran rakyat dan berapa lamakah masa diperlukan? Dalam kalangan PH, wujud juga ustaz dan ahli agama yang boleh digunakan pengetahuan mereka untuk menjelaskan mengapa PH perlu diberikan kepercayaan untuk mentadbir Kelantan. Tetapi, di manakah platform yang boleh digunakan oleh PH kerana surau, masjid dan tauliah pengajaran dikuasai oleh PAS? PAS boleh menghalang mana-mana ustaz daripada menggunakan surau atau masjid untuk menyampaikan perkembangan politik dan ini merupakan satu cabaran besar kepada PH. Cuma harapan PH ialah mereka boleh menggunakan saluran media massa seperti radio atau televisyen kerana pentadbiran Putrajaya sudah dikuasai oleh mereka.

Sebagai contoh, Nik Omar Nik Aziz tidak lagi dibenarkan menjadi imam dan menyampaikan kuliah di Masjid Tok Guru, berikutan keputusannya menyertai PH pada PRU 14 (Mohd Zulkifli, 2018). Kes ini menjelaskan bahawa walaupun Nik Omar merupakan anak bekas Menteri Besar Nik Aziz yang disegani, fahaman yang PAS percaya ialah seseorang ahli PAS harus menjadi dan menyokong PAS dari dulu, kini dan selamanya. Jika ada daripada mereka yang secara sedar atau sengaja menyertai parti politik lain, maka tiada tolak ansur terhadap individu tersebut walaupun beliau merupakan bekas pemimpin PAS pada suatu masa dulu. Tindakan PAS boleh diklasifikasikan sebagai diktator, tetapi pejuang tegar dan

penyokong fanatik membuat tanggapan bahawa itulah hukuman yang perlu dibayar oleh mana-mana individu atau kumpulan yang pada asalnya penyokong PAS, namun telah menukar pendirian dengan memberikan sokongan kepada parti politik lain. Justeru, PH berhadapan dengan blok pemikiran yang sukar diubah dalam kalangan pejuang tegar dan penyokong fanatik PAS.

Kedua, PH berhadapan dengan krisis calon untuk dijadikan pemimpin berkarisma. Dalam konteks ini, Weber (1947, hlm 358) menjelaskan bahawa sifat karisma boleh dijadikan sebagai senjata untuk memperoleh sokongan daripada rakyat kerana sifat sedemikian dijangka mampu membawa perubahan positif kepada ekonomi, kestabilan dan pengurusan negara. Walaupun Husam Musa dan Wan Abdul Rahim dikategorikan sebagai pemimpin masa hadapan PH di Kelantan, namun isu penarikan gelaran Dato' telah mencalarkan imej mereka dan PH perlu cari pemimpin baharu. Namun, siapakah pemimpin yang bertaraf anak tempatan, berkarisma, golongan muda, mempunyai kelayakan dan boleh dilantik sebagai pemimpin dalam kalangan PH di Kelantan? Menurut Mohd Sharani yang juga bekas calon PH Pengkalan Pasir dalam PRU 14, terdapat berita yang tidak rasmi yang mencadangkan Nik Omar sebagai calon Pengerusi PH di Kelantan. Umum mengetahui bahawa Nik Omar telah bertanding di kerusi DUN Chempaka dalam PRU 14, namun beliau telah kalah walaupun beliau merupakan anak Nik Aziz. Namun, berita tersebut tidak benar dan ada kemungkinan penolakan Nik Omar untuk menerajui PH atas alasan peribadi yang tidak didedahkan kepada masyarakat umum.

Sebelum PRU 14 lagi AMANAH sudah menyebarkan spekulasi bahawa Nik Omar akan menyertai parti mereka, tetapi beliau menafikannya. Ini bermakna bahawa AMANAH amat berharap kepada bantuan Nik Omar untuk memperluaskan pengaruh PH di Kelantan selain bergantung kepada pengaruh Husam dan Wan Abdul Rahim. Tetapi, laluan sukar yang harus dihadapi oleh Nik Omar ialah masyarakat atau pengundi Kelantan tidak akan memberikan sokongan kepada mana-mana individu yang pada asalnya adalah ahli PAS, tetapi telah menyertai parti politik lain walaupun individu tersebut pernah memegang jawatan berprestij dalam PAS. Tambahan pula, konflik dalaman keluarga Nik Aziz telah merumitkan lagi tugas Nik Omar untuk memberitahu kepada rakyat Kelantan bahawa PH boleh dijadikan parti alternatif untuk berkuasa di Kelantan. Justeru, tugas utama PH dan Nik Omar yang harus diselesaikan oleh mereka terlebih dahulu ialah mengubah cara pemikiran pengundi Kelantan agar boleh menerima kehadiran PH. Sebagai alternatif, PH boleh mengaplikasikan kelebihan media sosial seperti facebook, instagram dan twitter untuk menyebarkan berita mengenai PH dan mendapatkan sokongan rakyat Kelantan khasnya daripada orang muda.

Ketiga, tiada kerjasama konkrit dalam kalangan anggota gabungan PH dan ini menyukarkan proses penyatuan. Disebabkan masyarakat Kelantan didominasi oleh golongan Melayu, maka semua anggota gabungan PH kecuali DAP diberikan tanggungjawab untuk merampas Kelantan daripada PAS (N Faizal, 2018). Walaupun pembahagian kerusi dilakukan dengan penuh tolak ansur, namun hampir kesemua anggota gabungan PH kurang menjalinkan kerjasama antara satu sama lain dan kebanyakan

daripada mereka hanya menjaga kawasan masing-masing. Oleh itu, kebarangkalian PH untuk menang di Kelantan agak sukar kerana tiada berlaku pertukaran maklumat, strategi berpolitik, bantuan tenaga kerja dan apa sahaja gerakan berpolitik mengenai fenomena semasa di Kelantan. Kesilapan kurang menjalinkan kerjasama disedari selepas tamatnya PRU 14 dan andai ditakdirkan PH berjaya menawan Kelantan, maka wujud kemungkinan manifesto PH di Kelantan lambat direalisasikan disebabkan tiada kerjasama kukuh dalam kalangan anggota gabungan PH. Justeru, PH perlu menilai semula keupayaan calon dan pastikan setiap calon bersedia menjalinkan kerjasama walaupun berbeza ideologi kerana mereka berada dalam kumpulan yang sama.

Keempat dan terakhir, bantuan kewangan lambat disalurkan dan jawatan lantikan politik berlaku dalam kadar yang amat perlahan (Syalikha Sazili, 2018). Faktor kewangan merupakan nadi utama kepada parti politik dan nilai kewangan diperlukan dalam jumlah yang besar sejak daripada mulanya penamaan calon sehinggalah tamatnya hari pembuangan undi. Menurut Dr Khairudin dan Tn Hj Hashim, PH Kelantan gagal bersaing dengan PAS dan UMNO dari sudut bendera semasa berlangsungnya kempen PRU 14 disebabkan masalah kewangan. Realitinya, bendera perlu dikibarkan dalam jumlah yang banyak untuk memberikan input kepada pengundi kerana ramai daripada mereka kurang mendapat maklumat mengenai senario politik semasa. Tambahan pula, PH telah bersetuju menggunakan simbol PKR yang mewakili semua anggota gabungannya dan ramai pengundi membuat tanggapan bahawa hanya PKR sahaja yang bertanding di Kelantan. Oleh itu, timbul kekeliruan dalam kalangan pengundi jika mereka ingin memberikan sokongan

kepada AMANAH atau BERSATU kerana mereka tidak menemui simbol parti tersebut. Justeru, bendera parti perlu dikibarkan dalam jumlah yang banyak kerana ianya dilihat sebagai satu strategi perang saraf yang berkesan untuk memastikan pengundi memberikan undi kepada PH.

Sementara itu, calon yang bertanding mesti meletak jawatan sebagai penjawat awam jika mereka masih bekerja dan lazimnya, calon yang ingin bertanding seharusnya mempunyai dana dalam jumlah yang besar. Sebelum menjadi calon, seseorang itu mempunyai pendapatan bulanan yang tetap untuk menyara kehidupannya. Namun, jika beliau memenangi PRU tersebut, maka kehidupan sehariannya masih terurus. Walau bagaimanapun, situasi ini akan menjadi semakin parah jika beliau tewas dalam PRU dan bagaimanakah beliau akan meneruskan kehidupan sehariannya tanpa sumber pendapatan? Ada dalam kalangan calon yang terpaksa mengadai atau menjual atau memajak harta benda mereka hanya semata-mata untuk memperoleh dana. Persoalannya, apa akan berlaku kepada harta benda yang dijual atau pajak atau gadai jika seseorang calon itu tewas dalam PRU? Ada kemungkinan harta itu akan lenyap untuk selama-lamanya kerana calon tersebut tiada keupayaan untuk menebusnya kembali. Sebagai contoh, Rafizi mendakwa Azmin dan penyokongnya gagal membantu parti menyediakan dana mencukupi ketika PKR membuat persiapan menghadapi PRU 14. Beliau juga menegaskan bahawa Anwar terpaksa mencagarkan rumahnya untuk mendapatkan dana mencukupi bagi menghadapi PRU 14 (Malaysiakini, 10 Sept 2018). Justeru, dalam konteks politik Kelantan, PH yang menguasai Putrajaya harus menyegerakan lantikan politik walaupun

bertentangan dengan manifesto mereka dan ini adalah untuk kesinambungan kehidupan kepada calon yang kalah dalam PRU.

5. KESIMPULAN

PH telah melancarkan pelbagai serangan ke atas PAS seperti PAS akan kalah kepada UMNO dalam PRU 14, pendedahan Husam Musa mengenai kepincangan pentadbiran PAS dan dimainkan isu air untuk mengajak pengundi agar memberikan sokongan kepada PH. Namun, serangan yang dilontarkan oleh PH tidak memberikan kesan negatif kepada PAS. Hal ini kerana ramai rakyat Kelantan percaya bahawa kepimpinan ulama adalah yang terbaik dan mereka akan sentiasa berusaha untuk menyelesaikan masalah rakyat dan negeri. Oleh itu, PAS menyedari bahawa jika berjuang secara bersendirian pun mereka masih mampu mengekalkan kuasa di Kelantan, mengambil alih Terengganu daripada UMNO dan memperluaskan pengaruh di Kedah, maka atas faktor apakah mereka harus menjalinkan kerjasama politik dengan PH? Realitinya, PRU 14 menyaksikan bahawa PAS sudah berjaya membina tembok kekuatan yang kukuh di pantai timur dan di utara Semenanjung. Oleh itu, PH harus mengkaji dengan lebih terperinci di manakah kelemahan mereka sebagai parti yang diklasifikasikan parti alternatif.

Secara kesimpulan, kajian ini mendapati bahawa impian PH untuk memperluaskan pengaruh mereka di Kelantan masih kabur kerana PAS bijak mengatur strategi berpolitik untuk jangka masa panjang dengan memperkukuh sistem pendidikan di bawah YIK, melahirkan ramai penyokong tegar atau pengikut fanatik, menguasai surau dan masjid mengikut ketetapan acuan sendiri dan mengawal pentadbiran kerajaan

negeri. Jika PH masih menaruh harapan untuk menawan Kelantan dalam PRU seterusnya, maka mereka juga perlu melakukan reformasi secara konkrit ke atas pengurusan parti seperti melahirkan ramai pemimpin muda yang berketerampilan di Kelantan, menghidupkan semangat kerjasama dalam anggota gabungan dan mempercepatkan lantikan politik agar calon yang kalah dalam PRU masih bertenaga untuk terus memberikan sokongan kepada partinya. Oleh itu, perjuangan PH untuk menembusi tembok pentadbiran Kelantan masih sukar dan mereka juga harus sedar bahawa PAS adalah parti politik yang bukan mudah untuk ditewaskan terutamanya di Kelantan kerana mereka mempunyai perancangan yang sistematik dalam mengekalkan kuasa.

6. PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr Mohd Sharani Mohd Naim, Cikgu Wan Abdul Rahim Wan Abdullah, Dr Khairuddin dan Tn Hj Hashim di atas maklumat daripada mereka untuk menjayakan penulisan ini.

7. RUJUKAN

Azlina Ngainon. (22 Sept 2001). *DAP keluar BA sebab negara Islam*. Dimuat turun 7 Jan 2020, daripada <https://www.malaysiakini.com/news/4786>

BH online. (1 Okt 2014). *Azmin umum portfolio barisan EXCO Selangor*. Dimuat turun 6 Jan 2020, daripada <https://www.bharian.com.my/node/8992>

Boissevain, J. (1978). *Friends of friends : network, manipulators and coalitions*. Oxford: Basil Blackwell.

- Faiz Zainudin. (8 Mei 2018). *PAS yakin kekal di Kelantan walaupun Invoke ramal kerusi sifar*. Dimuat turun 25 Sept 2018, daripada <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/05/08/pas-yakin-kekal-di-kelantan-walaupun-invoke-ramal-kerusi-sifar/>
- Izrael Abdullah. (15 Mei 2012). *PAS kesal 'politik peras ugut'*. Dimuat turun 25 Sept 2018, daripada <https://detikperubahan.wordpress.com/2012/05/15/pas-kesal-politik-peras-ugut/>
- Ko Mishima. (2005). The failure of Japan's political reform. *World Policy Journal*. 22 (4): 47 – 54.
- Liew, C. T. (2007). PAS leadership : new faces and old constraints. *Southeast Asian Affairs*. 201-213.
- Lijphart, A. (1984). *Democracies : patterns of majoritarian and consensus government in twenty-one countries*. New Haven: Yale University Press.
- Malaysiakini*. (10 Sept 2018). *Rafizi dakwa Anwar gadai rumah untuk dana PRU14*. Dimuat turun 30 Sept 2018, daripada <https://www.malaysiakini.com/news/442492>.
- Mohd Izani Mohd Zain. (2014). From Islamist to Muslim Democrat: the present phenomenon of Muslim politics in Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*. 6 (1): 37-45.
- Mohd Zulkifli Zainuddin. (18 Mei 2018). *Nik Omar dilarang jadi imam Masjid Tok Guru*. Dimuat turun 28 Sept 2018, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/05/427242/nik-omar-dilarang-jadi-imam-masjid-tok-guru>
- N Faizal Ghazali. (2 Mac 2018). *HARAPAN Kelantan selesai agih kerusi*. Dimuat turun 30 Sept 2018, daripada <https://www.malaysiakini.com/news/414073>.
- Norman Goh. (16 Mei 2018). *RoS akhirnya luluskan pendaftaran HARAPAN*. Dimuat turun 16 Sept 2019, daripada <https://www.malaysiakini.com/news/425298>

- Saiyid Radzuwan Syed Sopi. (2018). *Anti LDP di Jepun dan Pakatan Rakyat di Malaysia : persamaan dan perbezaan*. Dimuat turun 25 Sept 2018, daripada http://eprints.usm.my/39970/1/Rencana_anti_LDP_%26_PR.pdf
- Saiyid Radzuwan Syed Sopi. (2017). *Kejatuhan dan kebangkitan Parti Demokratik Liberal : puak gabungan politik Jepun*. Bangi: Penerbit UKM.
- Sharifah Mahsinah Abdullah & Attirmidzie Rahman. (7 Feb 2018). *Pingat Datuk Paduka Husam, Wan Abdul Rahim ditarik*. Dimuat turun 26 Sept 2018, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/02/385693/pingat-datuk-paduka-husam-wan-abdul-rahim-ditarik>
- Sharom Abu Bakar. (19 April 2018). *PAS sedia berperanan sebagai 'kingmaker'*. Dimuat turun 8 Jan 2020, daripada <http://www.astroawani.com/berita-politik/pas-sedia-berperanan-sebagai-kingmaker-173283>.
- Suryadinata, L. (2007). The decline of the hegemonic party system in Indonesia: Golkar after the fall of Soeharto. *Contemporary Southeast Asia: A Journal of International & Strategic Affairs*. 29 (3): 333-358.
- Syalikha Sazili. (6 Ogos 2018). *Tamat perkhidmatan pegawai lantikan politik*. Dimuat turun 30 Sept 2018, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/08/458786/tamat-perkhidmatan-pegawai-lantikan-politik>.
- Weber, M. (1947). *The theory of social and economic organization*. New York: Oxford University Press.
- Zikri Kamarulzaman & Lu, W. H. (6 Apr 2018). *Sah HARAPAN guna simbol PKR*. Dimuat turun 18 Sept 2018, daripada <https://www.malaysiakini.com/news/418720>